

29/01/2003

Dr Mahathir bidas cara, tindakan Amerika Syarikat

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Perang Amerika Syarikat terhadap Vietnam pada 1960-an yang mendapat sokongan kerajaan serta rakyat rantau ini termasuk Malaysia, tidak boleh disamakan dengan rancangan perangnya terhadap Iraq sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ketika itu tindakan terhadap Vietnam adalah untuk menghentikan ancaman komunis yang diyakini boleh menjejaskan kestabilan serantau dan pendirian rakyat juga adalah sejajar dengan sokongan kerajaan mereka terhadap perang.

"Tetapi sekarang dengan kemunculan media sejagat, orang ramai membuat pendirian sendiri. Mereka inilah, bukan kerajaan, yang berada di barisan hadapan menentang dasar Amerika Syarikat.

"Amat menyedihkan apa yang berlaku. Amerika Syarikat biasanya menjadi negara popular, tetapi tiada lagi. Hari ini kedutaan Amerika di Kuala Lumpur mempunyai dinding yang tinggi di sekelilingnya. Pada masa lalu, satu-satunya kedutaan yang mempunyai dinding seperti itu ialah Russia dan Mao China," katanya dalam temu ramah disiarkan majalah Newsweek keluaran 3 Februari.

Temu ramah oleh dua wartawan majalah itu, Lally Weymouth dan Fareed Zakaria, diadakan ketika Dr Mahathir menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) ke-33 di Davos, Switzerland, minggu lalu.

Dr Mahathir berkata, beliau masih menyokong peperangan terhadap keganasan, tetapi Amerika Syarikat sudah melampau sehingga melewati dan membelakangi pelawat, menghentikan kapal kargo dan naik ke atas kapal (pemeriksaan) di laut dalam.

"Tindakan itu menjadi tidak produktif dan menyemai perasaan anti-Amerika.

"Dan sekarang, Iraq. Iraq adalah masalah yang sudah wujud dan masih wujud. Tetapi ia cuma sedikit saja berkaitan dengan peperangan terhadap keganasan," katanya.

Mengenai tindakan tegas Malaysia terhadap keganasan, beliau menjelaskan bahawa Kuala Lumpur mempunyai dasar pencegahan keganasan, tetapi pada masa yang sama ia cuba menyelami mengapa keganasan berlaku.

Dr Mahathir berkata, sebagai seorang yang terlatih menjadi doktor perubatan, beliau tidak merawat pesakit berdasarkan kepada tanda-tanda, tetapi merawat penyakit itu sendiri.

"Kita cuba menangani punca sebenar masalah, menyediakan peluang dan pendidikan. Sudah tentu apabila kita menahan orang, kita dikritik hebat kebanyakannya oleh orang Amerika," katanya.

Oleh itu, beliau berkata, Amerika Syarikat kini berada dalam kedudukan terasing dalam rancangan untuk menyerang Iraq dan cuma Australia yang memainkan peranan sebagai timbalan sherif, beria-ia menyokongnya manakala Britain sudah mula memikirkan semula sokongannya.

Ditanya oleh wakil majalah itu, apakah nasihatnya kepada dunia Arab memandangkan kejayaan Malaysia dalam pemodenan Islam, Dr Mahathir berkata jawapannya ialah pembangunan ekonomi dan politik.

Katanya, rejim Arab harus bertanya mengapa sekumpulan anak muda di dalam masyarakatnya sendiri berasa begitu tidak puas hati.

"Orang ini selalunya mengkritik kerajaan mereka, kini mereka mengecam Amerika Syarikat kerana mereka percaya sokongan di dalam negara mereka tertekan," katanya.

Beliau berkata, adalah menjadi satu risiko besar untuk mengeluarkan rasa

tertekan itu seperti di Iraq kerana ia boleh menimbulkan pelbagai masalah walaupun usaha itu mungkin boleh dilakukan.

Katanya, langkah mengebom akan menyebabkan orang tidak bersalah, terbunuh dan beliau percaya peperangan tidak akan menyelesaikan sebarang masalah.